

Isi tempat kosong dengan jawapan yang **paling sesuai**.

1. _____ mestilah berdiri tegak semasa menyanyikan lagu kebangsaan.
 - A. Kami
 - B. Kita
 - C. Mereka
 - D. Engkau

2. “_____ mahu bersiar – siar di taman bunga.” titah Tuan Puteri Gunung Keriang kepada dayang – dayangnya.
 - A. Beta
 - B. Patik
 - C. Saya
 - D. Hamba

3. _____ yang cemerlang itu terpilih untuk menyambung pelajaran mereka ke Australia.
 - A. Budak –budak
 - B. Kanak – kanak
 - C. Lelaki –lelaki
 - D. Pelajar –pelajar

4. Ayam – ayam itu _____ apabila dikejar oleh abang.
 - A. berselerak
 - B. berkeliaran
 - C. berpelesiran
 - D. bertempiaran

5. Kumpulan pelancong asing itu sedang mendengar taklimat _____ wakil syarikat pelancongan yang mengurus percutian mereka.
 - A. dari
 - B. pada
 - C. kepada
 - D. daripada